

KONSEP REZEKI MENURUT SAYYID AHMAD IBN IDRIS DALAM RISALAH KIMIYA' AL- YAQIN**THE CONCEPT OF SUSTENANCE ACCORDING OF SAYYID AHMAD IBN IDRIS IN THE RISALAH KIMIYA' AL- YAQIN**Aisyah Jamilah bt Moh shin^{1*} & Mohd Sufi bin Ibrahim²¹ Pelajar Ijazah Kedoktoran, Universiti Islam Selangor, 20pi01010@postgrad.uis.edu.my² Pensyarah, Jabatan Syariah Islamiyyah, Kolej Islam As Sofa, sufibrahim@gmail.com

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 05 Ogos 2024 | Selepas Pembetulan: 21 Oktober 2024 | Diterima untuk terbit: 29 November 2024

Abstrak

Rezeki merupakan kurniaan Allah SWT seluruh makhluk yang berbentuk material dan spiritual. Salah faham terhadap konsep rezeki akan menatijahkan manusia bergantung kepada sebab semata dan melupakan Allah sebagai Pemberi rezeki. Rezeki dalam konteks tasawuf membawa manusia untuk lebih yakin kepada Allah SWT sebagai sumber Pemberi rezeki dengan sentiasa bertawakal kepadaNya. Justeru, objektif kajian ini bagi menjelaskan konsep rezeki menurut pandangan salah seorang tokoh sufi iaitu Sayyid Ahmad ibn Idris. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen *Risalah Kimiya' al-Yaqin*. Sayyid Ahmad ibn Idris berpandangan rezeki ialah ketetapan Allah SWT dengan dijamin dan dibahagikan kepada seluruh makhluk. Allah SWT adalah Pemberi rezeki yang mutlak dan didatangkan rezeki melalui perantaraan daripada makhluk. Dengan sentiasa bertawakal kepada Allah SWT dalam urusan rezeki akan melahirkan ketenangan serta menghilangkan perasaan kebimbangan dan keluh kesah terhadap rezeki.

Kata kunci

Sayyid Ahmad ibn Idris, rezeki, tasawuf, usaha, tawakkal.

Abstract

Sustenance is the bestowed by Allah SWT to all creatures in the form of material or even spiritual. Nevertheless, there are misunderstanding of the concept of sustenance which will lead people to depend on reasons alone and forget the Almighty as The Giver of Sustenance. Sustenance in the context of Sufism leads people to be more rely in Allah SWT as the source of sustenance by always relying on Him and being preceded by an effort. Therefore, the objective of this study is to explain the concept of sustenance according to the perspective of one of the Sufi figures, Sayyid Ahmad ibn Idris. This study is a qualitative study that uses the document analysis method of Risalah Kimiya' al-Yaqin. Sayyid Ahmad ibn Idris believes that sustenance is the guaranteed by Allah SWT to all creatures. Allah SWT is the absolute Giver of sustenance and creatures are only intermediaries in the effort to acquire the sustenance. Tawakkal is the main fortress to remove all doubts and uncertainties about the sustenance that lies in the heart. Thus, the reliance on Allah SWT in matters of sustenance will give us tranquility in our life.

Keywords

Sayyid Ahmad ibn Idris, sustenance, tasawwuf, effort, tawakkal

1. Pengenalan

Islam adalah agama yang syumul meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Dalam urusan bermuamalah, Islam telah menyediakan garis panduan bagi memenuhi keperluan hidup termasuk aktiviti mencari rezeki. Rezeki merupakan sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada seluruh makhluk untuk dimanfaatkan bagi kelangsungan kehidupan. Sifat Ar-Razzaq Allah SWT sebagai Yang Maha Pemberi rezeki telah memberikan rezeki kepada seluruh makhluk termasuk haiwan, tumbuhan, jin dan sebagainya.

Cabaran ekonomi yang semakin pesat pada hari ini, sangat penting bagi masyarakat untuk menghubungkan elemen kerohanian yang merupakan tonggak utama agama bagi mengharungi cabaran kehidupan. Justeru memahami konsep rezeki berpandukan acuan tasawuf Islam akan menatijahkan kesejahteraan peribadi mahupun masyarakat.

2. Latar belakang

Umumnya masyarakat memahami dan mempercayai bahawa rezeki adalah bersumberkan dari Pencipta yang Esa. Allah SWT telah menetapkan kadar dan pembahagian rezeki setiap makhluk dalam pelbagai bentuk bagi memenuhi keperluan jasmani dan juga rohani. Kepercayaan ini membawa kepada keimanan qada' dan qadr Allah SWT. Pendekatan Islam dalam konsep rezeki sentiasa menganjurkan sikap bertawakkal kepada Allah SWT dalam mencukupkan rezeki. Teori Al-Ghazali (2013) dalam rezeki sentiasa mengarahkan umat Islam untuk menyerah dan bergantung harap sepenuhnya kepada Allah SWT di samping mengambil pelbagai asbab-asbab dalam mendapatkan rezeki. Ia bertujuan bagi melahirkan sifat *taabudiyah* dalam pencarian rezeki atau menjadikan aktiviti mencari rezeki sebagai satu ibadah.

Namun demikian, atas desakan ekonomi yang meninggi menjadikan masyarakat semakin keliru dan celaru dalam memahami konsep rezeki. Hal ini berikutan terkesan dengan fahaman bid'ah yang dibawa oleh kelompok Qadariyah, Muktaizillah dan Jabariyah. Menurut Al-Baijuri (2018) fahaman Qadariyyah dan Muktaizillah sentiasa memperjuangkan bahawa manusia mempunyai kebebasan dan kekuasaan sendiri dalam melakukan apa sahaja dalam mendapatkan rezeki. Semua yang diperolehinya adalah hasil dari usahanya sendiri tanpa ada kaitan dengan Allah SWT (Nina Rahmi, 2018). Manakala fahaman Jabariyah pula menolak peranan manusia dalam pencarian rezeki kerana beranggapan manusia tidak mempunyai sebarang kekuasaan untuk berbuat apa-apa serta tidak mempunyai kehendak dan pilihan. Mereka juga turut menafikan peranan usaha dan ikhtiar manusia dalam mendapat rezeki kerana menyerahkan segalanya kepada Allah SWT (Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, 2006)(Khairunnas & Wan Muhammad Fariq, 2014)(M.Azhar M.H, Abu Bakar N., Mat Zin R., 2022).

Kekeliruan ini juga terkesan daripada perubahan iklim dunia yang telah memberi tamparan besar terhadap jiwa manusia. Sebagai contoh, serangan pelbagai ideologi telah melahirkan manusia yang berfahaman materialisme, egoisme, dan hedonisme (Ismail N. & Sarbini M. N., 2015). Tumpuan fahaman ini yang mengfokuskan kepada material dan hiburan telah berjaya mendominasi gaya hidup modern. Hasilnya menghanyutkan masyarakat yang memfokuskan kepada memperjuangkan kesejahteraan material semata lalu mengorbankan nilai spiritual atau kerohanian demi meningkatkan kesejahteraan yang diimpikan (Pasmadi, 2015)(Sabiq et al., 2019). Lalu wujudlah pelbagai krisis kerohanian dalam kalangan masyarakat seperti tekanan hidup yang melampau, kebimbangan, tidak merasakan cukup akan rezeki yang diperolehi dan sebagainya (Yono et al., 2020).

Justeru bagi mengembalikan manusia kepada fitrah yang sebenar dengan bergantung harap kepada Allah SWT dalam urusan rezeki, perlukan kekuatan kerohanian yang terpahat di dalam hati. Menurut H. Muzakkir (2007) kekuatan kerohanian dapat diteguhkan melalui tiga domain utama agama iaitu akidah, syariah dan tasawuf yang bertujuan untuk menyeimbangi gaya hidup manusia. Akidah adalah keteguhan hati yang bersifat kukuh dan teguh dalam beriman kepada Allah SWT tanpa sebarang syak dan keraguan (Mohd Fauzi bin Hamad, 2002). Akidah berfungsi dalam mempengaruhi cara berfikir dan tingkah laku manusia (Rahman S.H & Sa'ari C.Z, 2008). Kefahaman akidah yang benar akan melahirkan manusia yang mentaati perintah Allah SWT, membentuk jiwa yang bertakwa serta memelihara diri dari melakukan dosa dan kemurkaan Allah SWT (Salleh et al., 2014). Pandangan ini juga selari dengan Najaty (2001) bahawa beriman kepada Allah SWT dan menghayati segenap aspek akidah dapat mengubah jiwa dan rohani manusia.

Dari sudut syariah pula adalah melalui akhlak dan tauladan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang mengajar manusia untuk meletakkan kehambaan diri dalam ibadah khusus dan umum termasuk aktiviti bekerja untuk mencari rezeki (Mustaffa M.S. & Roslee Ahmad, 2002). Kerahmatan risalah Baginda SAW turut tersemat pada keluhuran akhlak Baginda secara zahir dan batin seperti yang dirakamkan dalam firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya bagi diri engkau (Baginda SAW) akhlak yang sangat hebat.

Surah al-Qalam (68):4

Tasawuf pula berperanan dalam membebaskan jiwa manusia daripada belenggu hawa nafsu dan mendidik jiwa mengenal Allah SWT dengan sempurna (Nur Zainatul Nadra Zainol, 2019). Selain itu juga, tasawuf turut berfungsi membersihkan rohani manusia serta menonjolkan akhlak mulia dalam kehidupan (Faudzinaim, 2008)(Safiah & Che Zarina, 2021). Menurut Faizatul Najihah (t.th) tabiat manusia yang mementingkan kebendaan pada masa kini adalah disebabkan gagal memahami dan menghayati nilai tasawuf. Sebagai contoh, penghayatan nilai zuhud sebenarnya dapat menundukkan

keinginan nafsu dan syahwat manusia supaya berpada-pada dalam mengejar kenikmatan dunia yang tidak kekal abadi. Al-Ghazali (2004) mengaitkan urusan mencari rezeki merupakan salah satu perkara yang menghalang seseorang dalam beribadah kepada Allah SWT kerana penumpuan jasmani dan rohaninya tertumpu sepenuhnya pada dunia. Oleh itu bertawakal dalam segala urusan kepada Allah SWT akan menjadi dasar kekuatan di dalam hati serta keyakinan yang sempurna pada janji Allah SWT.

Justeru, pendekatan dalam kalangan tokoh sufi menjadi satu keperluan bagi menambahkan teori yang sedia ada bagi mengatasi masalah kecelaruan dan kekeliruan masyarakat dalam konsep rezeki. Kajian ini akan menjelaskan pandangan seorang tokoh tasawuf tarekat iaitu Sayyid Ahmad ibn Idris. Beliau telah berjaya mengembangkan Islam melalui dakwahnya dalam Tarekat Ahmadiyah yang tidak asing lagi di Nusantara. Ketinggian ilmu yang dimilikinya bukan sahaja dalam ilmu tasawuf malah pelbagai disiplin ilmu seperti akidah, fiqh, tafsir, hadis dan sebagainya (Muhammad Fuad, 2020)(Che Zarrina Sa'ari, 2000)(Faudzinain Badaruddin et al., 2021). Sebuah kitab penulisan beliau yang telah tersebar luas dalam kalangan para pengikutnya di Nusantara berjudul *Kimiya' al-Yaqin fi Wuthuq al-Muttaqin* telah diterjemahkan oleh Muhammad Fuad bin Kamaluddin (2018) merupakan sebuah kitab yang tidak asing lagi di sisi para pengikut Tarekat Ahmadiyah. Perbahasan kitab ini yang menghubungkan elemen akidah, syariat dan tasawuf dalam konsep rezeki sangat wajar dijadikan panduan kepada para masyarakat dalam menambah keyakinan kepada Allah SWT selaku Pemberi rezeki.

3. Konsep Rezeki Menurut Perspektif Islam

Kalimah rezeki merupakan kata serapan daripada bahasa Arab 'رزق' dalam bentuk masdar daripada kata kerja رزق - يرزق - رزقا dari sudut bahasa bermaksud pemberian (Ibn Manzur, 1997). Dalam Kamus Dewan Bahasa (2011) rezeki dimaksudkan sebagai segala sesuatu yang diguna pakai untuk memelihara kehidupan yang diberikan oleh Pencipta berupa makanan, duit, nafkah, kekayaan dan keuntungan dan sebagainya.

Manakala dari sudut istilah, rezeki dijelaskan oleh al-Laqani (2010) sebagai segala sesuatu yang dimanfaatkan oleh makhluk yang telah diberikan oleh Allah SWT. Al-Alusi pula menjelaskan rezeki adalah pemberian Allah SWT kepada seluruh makhluk termasuk manusia, haiwan dan tumbuhan dan telah dibahagikan kadar rezeki mengikut kemampuan setiap makhluk (Muhammad Zidni Ilman, 2019). Al-Jurjani pula mendefinisikan rezeki sebagai sesuatu yang diberikan oleh Allah SWT kepada makhluk untuk dimanfaatkan samada berbentuk halal atau haram (HM Hasballah Thaib & H. Zamakhsyari bin Hasballah Thaib, 2016). Seterusnya menurut Nurul Fajriani (2019) al-Sa'di mengungkap definisi rezeki dalam kitab tafsirnya *Tafsir al-Kalam al-Mannam* sebagai sesuatu pemberian Allah SWT kepada seluruh makhluk dengan menjamin rezeki semuanya. Pendapat ini juga selari dengan mufassir lain seperti al-Muyassar (2018) dan Ibn Kathir (2015) yang menghuraikan rezeki sebagai sesuatu yang telah dijamin oleh Allah SWT kepada seluruh makhluk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan (Zulfan Auria, 2020).

Sehubungan itu juga, dalam konteks al-Quran, Al-Baqi (t.th) mengatakan kalimah rezeki telah diulang sebanyak 123 kali di dalam al-Quran dalam pelbagai bentuk. Pengulangan ini menunjukkan keprihatinan Allah SWT tentang rezeki seluruh makhluk. Terdapat kepelbagaian makna rezeki dalam al-Quran yang membawa maksud pemberian (al-Baqarah:3), makanan (al-Baqarah:52), pagi dan petang (Maryam:62), bersyukur (al-Waqi'ah:82), hujan (ad-Dhariyat:82), nafkah (al-Baqarah:233), buah-buahan (Ali Imran:37), pahala (At-Tolaq:11), dan syurga (Thoha: 131). Kepelbagaian makna ini menunjukkan kurniaan Allah SWT kepada semua makhluk sangat luas mencakupi dunia mahupun akhirat.

Allah SWT memberikan rezeki kepada seluruh manusia dalam kepelbagaian bentuk. Ia dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu material dan spiritual (Elsa Fatimah, 2022). Rezeki yang berbentuk material dimaksudkan sebagai rezeki yang wujud serta dapat dilihat dan disentuh seperti wang ringgit, kenderaan, rumah, pakaian dan sebagainya. Manakala rezeki yang berbentuk spiritual tidak dapat dilihat tetapi dapat dirasa kadarnya seperti kesihatan, anak yang soleh, keberkatan dalam kehidupan dan sebagainya. Rezeki juga dapat dibahagikan kepada yang umum dan khusus (Pasmadi, 2015). Rezeki umum adalah pemberian Allah SWT kepada semua makhluk termasuk golongan beriman, kafir, ahli maksiat, binatang dan sebagainya sama ada berbentuk halal mahupun haram. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۗ كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Maksudnya:

Dan tidak satupun makhluk bergerak (bernyawa) di bumi melainkan semuanya dijamin Allah rezekinya. Dia mengetahui tempat kediamannya dan tempat penyimpanannya. Semua (tertulis) dalam Kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh).

Surah Hud (11):6

Rezeki yang khusus hanya kepada orang mukmin sahaja mencakupi perkara yang bermanfaat di dunia dan akhirat. Allah SWT akan memberikan ketenangan hati, ilmu yang bermanfaat, kebahagiaan di dunia dan akhirat, taufiq dan hidayahNya, amal soleh serta menjauhi perkara mungkar. Hal ini disebut di dalam firman Allah SWT:

وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۗ أَبَدًا ۗ قَدْ أَحْسَنَ اللَّهُ لَهُ رِزْقًا

Maksudnya:

Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan mengerjakan amal soleh nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah memberikan rezeki yang baik kepadanya.

Surah al-Tholaq (65):11

Al-Ghazali (2013) telah membahagikan rezeki kepada empat kategori iaitu rezeki yang dijamin iaitu setiap makanan yang masuk ke dalam tubuh akan memberi tenaga kepada seseorang untuk menjalani ibadah kepada Allah SWT. Kedua, rezeki yang dibahagikan oleh Allah SWT kepada semua makhluk seperti yang telah tercatat di *Luh Mahfuz*. Ketiga, rezeki dalam bentuk harta benda dunia yang dimiliki seseorang sesuai dengan yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT. Keempat, rezeki yang dijanjikan iaitu segala apa yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada para hambaNya yang bertakwa untuk mendapat rezeki yang halal tanpa didahului dengan usaha yang bersusah payah. Maka inilah janji Allah SWT kepada semua makhluk tentang pembahagian rezeki dan wajib bersikap tawakkal dengan janjiNya.

Perbincangan tentang rezeki menurut Islam hendaklah terikat dengan konsep qada' dan qadar. Allah SWT telah menetap dan membahagikan rezeki setiap makhluk sejak azali lagi berdasarkan ilmuNya dengan cara melapang dan menyempitkan rezeki masing-masing. Salah faham dalam konsep qada' dan qadar ini boleh menjadikan seseorang tidak berusaha untuk mencari rezeki kerana berharap kepada ketetapan Allah SWT (S. M. Hilmi, 2006). Islam mengajar apa yang ditakdirkan berlaku sesuatu perkara adalah melalui proses sebab dan akibat. Allah al-Razzaq telah menentukan kadar rezeki menurut kehendak-Nya mengikut hukum alam (sunnatullah) serta menjamin kelangsungan hidup seluruh makhluk (HM Hasballah Thaib & H. Zamakhsyari, 2016). Namun begitu menurut Nina Rahmi (2018) jaminan ini bukan bererti manusia perlu berdiam diri dan tidak bekerja keras untuk mencari rezeki. Akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia perlu digunakan sebaiknya dalam berfikir untuk berusaha bersungguh-sungguh sebagai proses dan sebab diluaskan rezeki. Dalam hal yang demikian Allah SWT menjamin setiap makhluk yang keluar mencari rezeki akan dibuka jalan untuk memperolehinya seperti dalam firman Allah SWT:

وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya:

Dan (ingatlah), Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terkira (menurut undang-undang peraturannya)
Surah al-Baqarah (2): 212

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut juga dapat difahami bahawa ketaatan kepada Allah SWT adalah sebab utama dibuka pintu rezeki. Antara bentuk ketaatan seperti memperbanyakkan istighfar, bersedekah kepada yang memerlukan, bersyukur dengan rezeki yang diperolehi, mengeratkan silaturahim serta meningkatkan kualiti ibadah (Zulfan Auria, 2020). Allah SWT akan mengurniakan rezeki yang melimpah ruah kepada hambaNya yang beriman dan bertakwa kepadaNya (Pasmadi, 2015). Namun dalam pemahaman yang benar, tidak dibenarkan meninggalkan ikhtiyar mencari rezeki dengan alasan bertawakkal dengan jaminan Allah SWT. Nabi Muhammad SAW berpesan dalam satu hadith:

لَوْ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَفَعْنَا كَمَا يُرْفَعُ الطَّيْرُ تَعْدُو حِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا

Maksudnya:

Jikalau kalian bertawakal dengan sebenar-benarnya tawakal, nescaya Allah SWT akan memberikan rezeki sebagaimana Allah memberikan rezeki kepada seekor burung, pergi di pagi hari dengan lapar dan kembali ke sangkar pada petang hari dengan perut yang kenyang”

(Al-Tirmizi: no 2344)

Adapun punca tertutupnya pintu rezeki adalah dengan kemaksiatan yang dilakukan. Kesannya akan menghilangkan keberkatan dalam rezeki yang diperolehnya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ أَمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya:

Dan sekiranya penduduk negeri beriman dan bertakwa, pasti Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi ternyata mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), maka Kami siksa mereka sesuai dengan apa yang telah mereka kerjakan.

Surah al-A'raf (7): 96

Kalimah rezeki juga dapat difahami sebagai salah satu dari nama Allah SWT (الرزق) merujuk kepada sifat Allah Yang Maha Pemberi Rezeki . Allah SWT bersifat *ar-Razzaq* telah mencipta rezeki serta menyampaikannya kepada sesiapa sahaja yang mencarinya bahkan menciptakan sebab untuk mendapatkan rezeki. Penisbahan sifat *ar-Razzaq* ini tidak layak kepada selain Allah SWT. Sepertimana dalam surah Rum, ayat 40:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُمَيِّنُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ هَلْ مِنْ شُرَكَائِكُمْ مَنْ يَفْعَلُ مِنْ ذَلِكَُمْ مِنْ شَيْءٍ سُبْحَانَ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: Allah yang menciptakan kamu, kemudian memberimu rezeki, lalu mematikanmu, kemudian menghidupkanmu (kembali). Adakah di antara mereka yang kamu sekutukan dengan Allah itu yang dapat berbuat sesuatu yang demikian itu? Mahasuci Dia dan Mahatinggi dari apa yang mereka persekutukan.

Surah ar-Rum (30): 40

Kesimpulannya, dalam Islam rezeki dilihat sebagai pemberian dari Allah SWT. Segala yang diterima sama ada dalam bentuk harta benda, kesihatan, kebahagiaan, atau apa sahaja yang diperlukan dalam memenuhi kehidupan semuanya dari Allah SWT. Keyakinan ini mendorong individu untuk bertawakal dan bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat yang telah diberikan. Meskipun Allah SWT selaku Pemberi

Rezeki, Islam juga mengajar manusia untuk berusaha dan bekerja secara halal untuk mendapatkan rezeki. Tawakal adalah penting kerana meletakkan kepercayaan dan pergantungan sepenuhnya atas jaminan rezeki yang telah dijanjikan oleh Allah SWT. Ini mencerminkan bahawa Allah SWT yang mengendalikan segala urusan rezeki manusia. Bersedekah dan mengeluarkan zakat adalah bahagian penting dari konsep rezeki dalam Islam bagi menghasil keberkatan atas apa yang telah dikurniakan oleh Allah SWT. Justeru itu keseimbangan antara aspek material dan spiritual sangat penting dalam kehidupan. Rezeki material diperlukan untuk memenuhi keperluan fizikal sementara rezeki spiritual bertujuan untuk memberi kebahagiaan, ketenangan dan muraqabah dengan Allah SWT.

4. Biografi Ringkas Sayyid Ahmad ibn Idris

Sayyid Ahmad bin Idris merupakan ulama' sufi yang unggul serta mempunyai pengaruh besar dalam dakwah Islam khususnya pada kurun ke 19. Beliau telah diputerakan pada 21 Rejab 1163 Hijrah bersamaan 1750 Masihi di sebuah kampung yang terletak di Misour berdekatan Kota Araisy di tepi laut Maghribi (al-Ja'fari, 2022). Menurut Che Zarrina Sa'ari (2000) tokoh ini telah bersambung nasab keturunannya kepada cicit Baginda Rasulullah SAW Sayyidina Hasan ibn Ali ibn Abu Talib. Silsilah penuh beliau seperti yang telah dicatat oleh Sayyid Ahmad al Syarif al Sanusi ialah Ahmad bin Idris ibn Muhammad ibn Ali ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Abdullah ibn Ibrahim ibn Umar ibn Ahmad ibn Abdul Jabbar ibn Muhammad ibn Yamlah ibn Masyish ibn Abu Bakar ibn Ali ibn Hurmah ibn Isa ibn Salam ibn Marwan ibn Haidarah ibn Muhammad ibn Idris al-Azhar ibn Idris al-Akbar ibn Abdullah al Kamil al Hasan al Muthanna ibn Sayyidina Hasan ibn Sayyidina Ali dan Sayyidah Fatimah al Zahra' binti Maulana Muhammad Rasulullah saw (Muhammad Fuad, 2019).

Tokoh ulama besar ini semenjak kecil telah mendapat didikan agama yang mantap. Pada peringkat awal pendidikannya lagi, beliau telah menghafaz al Quran dan sebahagian daripada matan-matan ilmu secara talaqqi dengan kekandanya, Sayyid Abdullah dan Sayyid Muhammad ibn Idris (al-Ja'fari, 2022). Melalui didikan kekandanya ini, beliau menghadapi hari-hari terawal hidupnya dengan kesungguhan dan ketegasan seorang guru. Setelah usianya mencecah 20 tahun, beliau telah bermusafir ke Fez, Morocco untuk menyambung pengajiannya. Beliau begitu tekun dan bersungguh-sungguh dalam melazimi majlis ilmu sehingga menghubungkan dirinya dengan Jami' al-Qarawiyyun selaku penuntut ilmu sehingga dilantik menjadi tenaga pengajar selama lebih kurang 30 tahun (Rex S. O'Fahey and Ali Salih Karar, 1987)

Sayyid Ahmad al Syarif al Sanusi merekodkan seramai 10 orang guru beliau yang dilaziminya ketika berada di Fez dan kesemuanya merupakan tokoh ulama' besar. Menurut O' Fahey dan Karar (1987) antara guru beliau seperti `Abd al-Karim al-Yazighi (m.1784), Muhammad al-Tawidi b. Suda (m.1801- 2) dan Muhammad al-Tayyib b. Kiran (d.1812). Pencapaian Sayyid Ahmad ibn Idris dalam lapangan ilmu zahir seperti bidang tafsir, hadith, nahu, sorof, akidah, fiqh sangat cemerlang dan mengatasi para sahabatnya yang lain. Menurut Ahmad al-Linggi keperibadian Sayyid Ahmad ibn Idris terserlah dari sudut kepintaran dan kewibawaan beliau kerana banyak pembaharuan-pembaharuan pemikiran beliau yang berlandaskan akidah sesudah beliau berjaya menguasai pelbagai disiplin bidang ilmu (Che Zarrina Sa'ari, 2000). Kehebatan ilmu beliau dalam bidang al-Qur'an dan hadith sehingga sukar untuk ditandingi pada masa tersebut. Justeru itu beliau

telah ditauliahkan sebagai "khalifah" yang diizinkan untuk mengajar orang ramai di dalam bidang-bidang tersebut.

Sayyid Ahmad ibn Idris telah menyebarkan dakwahnya ke kawasan Timur Tengah di Algeria, Tunisia, Libya, Kaherah, Taif, Makkah dan sehingga ke Sabya, Yaman pada tahun 1242 hijrah dan kedatangan beliau di sana telah disambut oleh Mufti negeri Zabid, Yaman Syeikh Abdul Rahman ibn Sulaiman al Ahdal (Che Zarrina Sa'ari, 2000) (Muhammad Fuad, 2019). Berkenaan peranan dan misi dakwahnya di Sabya, Abdul Malik al Tarablusi menceritakan:

"Di Sabya, ramai manusia dari pelbagai kaum berhimpun dengannya. Berterusanlah beliau melaksanakan tugas dakwahnya menyeru manusia kepada Allah SWT. Pada awalnya, majoriti penduduk di Kawasan tersebut hidup dalam keadaan diselubungi kejahilan, meninggalkan perintah agama dan syariat Islam hanya pada nama semata-mata. Manakala kewajipan agama, mereka telah tinggalkan secara keseluruhannya".

Pada penghujung hayatnya, Sayyid Ahmad ibn Idris ditimpa penyakit yang menyebabkan beliau terpaksa terlantar di atas katil. Beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 21 Rejab 1253 Hijrah di Sabya, Yaman (Muhammad Fuad, 2019). Beliau telah meninggalkan lapan orang zuriat, lima putera dan 3 puteri. Hanya dua orang puteranya yang masih mempunyai zuriat dan masih wujud sehingga ke hari ini. Pertama putera sulungnya Sayid Muhammad al-Ghauth yang berkembang zuriatnya di tanah Hijaz. Kedua, putera keduanya Sayyid Abdul 'Aali yang berkembang zuriatnya sehingga ke Mesir dan Sudan.

Sayyid Ahmad bin Idris mempunyai rupa paras yang segar dan tampan di samping memiliki kemuliaan akhlak. Orang yang duduk bersama beliau tidak pernah berasa jemu dan sentiasa berlapang dada dengan ilmu yang disampaikan. Beliau juga terkenal sebagai seorang yang pemurah, petah dalam menyampaikan ilmu serta banyak berdiam melainkan ketika berzikir kepada Allah SWT, baik hatinya, bersih jiwanya serta fasih dalam berbicara (Che Zarrina Sa'ari, 2008)

Walaupun terkenal sebagai seorang tokoh sufi dan ahli ibadah, Sayyid Ahmad ibn Idris turut mempunyai perusahaan dalam sektor pertanian di wilayah Akhbadhiyah di Yaman yang diuruskan oleh putera sulungnya Sayyid Muhammad al-Ghauth (Mus'ab Al-Khair, 2023). Hasil pertanian inilah yang menjadi sumber perbelanjaan keluarga beliau. Semasa beliau menetap di Makkah al Mukarramah, beliau menyara kehidupan ahli keluarganya dari hasil mengembala kambing yang diuruskan oleh seorang fakir.

Ramai ulama yang memuji ketokohan dan keilmuan beliau seperti Sayyid Muhammad bin Ali Uqail yang mengatakan "*Beliau merupakan seorang ulama' besar yang mempunyai ilmu ma'rifah, syariah dan hakikat yang tiada tolok bandingnya*". Manakala pujian Mufti Zabid Yaman, Syeikh al Islam, Sayyid Abdur Rahman ibn Sulaiman al Ahdali berkata: "*Kedatangan beliau kepada saya diibaratkan seperti kedatangan kesejahteraan kepada orang yang sakit dan penyembuh kepada orang yang luka*". Begitu juga pujian seorang ulama muhaqqiqin, Imam Sayyid Muhammad ibn Ali al Sanusi berkata: "*Saya telah menimba banyak ilmu pengetahuan daripada Imam Sayyid Ahmad bin Idris. Saya juga telah mempelajari daripadanya tentang kehalusan dan kesempurnaan ilmu hadis, tafsir, tasawuf dan lain-lain lagi dengan penerangan yang unik*" (Muhammad Fuad, 2019).

Sayyid Ahmad bin Idris mempunyai kitab karangan yang banyak. Sebahagiannya telah dicetak, manakala sebahagian yang lain masih kekal dalam bentuk manuskrip. Antara karya beliau yang masih tinggal dalam bentuk cetakan dan manuskrip *Risalah Kimiya' al Yaqin fi Wuthuq al Muttaqin* yang akan menjadi perbincangan utama penulis dalam kajian ini. Secara umumnya risalah ini menjelaskan berkaitan janji dan jaminan Allah SWT tentang rezeki kepada seluruh makhluk yang dihuraikan berdasarkan ayat al Quran dan hadith Nabi SAW. Ketetapan dan pengagihan rezeki kepada seluruh makhluk merupakan perkara yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT seperti yang telah diiktikadkan oleh majoriti ulama ahli sunnah wal jamaah (Nuh Ali Salman, 1999). Sayyid Ahmad bin Idris telah menghuraikan perbincangan urusan rezeki ini dengan mendatangkan dalil naqli dari al-Quran dan Hadis Nabi SAW tentang janji Allah SWT kepada orang beriman. dan rezeki itu akan mendatangi makhluk di tempat tinggal dan kediaman yang didiaminya. Justeru berpegang teguh dan bertawakal dengan janji Allah SWT serta mengambil sebab untuk didatangi rezeki tersebut adalah perkara yang ditekankan dalam Islam. Pemahaman rezeki dari aspek kerohanian penting bagi menambahkan keyakinan kepada Allah SWT selaku Pemberi Rezeki

5. Konsep Rezeki Menurut Sayyid Ahmad bin Idris.

Sayyid Ahmad bin Idris (2011) dalam *Risalah Kimiya' al-Yaqin fi Wuthuq al-Muttaqin* menyifatkan rezeki adalah segala sesuatu yang mendatangi makhluk di tempat tinggal dan kediaman yang didiaminya. Rezeki juga meliputi kepelbagaian nikmat yang dianugerahkan Allah SWT seperti kesihatan, ilmu, pancaindera dan sebagainya. Allah SWT juga telah menjamin rezeki seluruh makhluk serta mencukupkan keperluan masing-masing mengikut kadarnya dalam melangsungkan kehidupan seperti yang termaktub di Luh Mahfuz. Justeru itu konsep rezeki menurut Sayyid Ahmad bin Idris dapat dijelaskan menerusi ruang lingkup kepercayaan kepada Allah SWT selaku ar-Razzaq, manusia dan bekerja sebagai sebab mendapatkan rezeki serta tawakal kepada Allah SWT adalah tonggak utama dalam pencarian rezeki.

5.1 Yakin dengan jaminan Allah SWT sebagai Pemberi Rezeki

Antara tanda kekuasaan Allah SWT ialah dengan mencipta pelbagai jenis makhluk di bumi dan menjamin rezeki masing-masing. Setiap makhluk yang berada di lautan, udara mahupun di daratan semuanya ditanggung oleh Allah SWT baik rezekinya, keperluan hidupnya mahupun makanan yang sesuai dengannya. Semua ini termaktub dalam ilmu Allah sejak azali lagi berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Maksudnya:

Dan tidak satupun makhluk bergerak (bernyawa) di bumi melainkan semuanya dijamin Allah rezekinya. Dia mengetahui tempat kediamannya dan tempat penyimpanannya. Semua (tertulis) dalam Kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh).

Surah Hud (11): 6

Ketika menjelaskan ayat ini, Sayyid Ahmad ibn Idris menjelaskan perkara pertama yang perlu dipasakkan dalam hati setiap orang mukmin ialah yakin dengan jaminan Allah SWT yang memberi dan mencukupkan rezeki setiap hambaNya (Ahmad bin Idris, 2018). Yakin ialah kepercayaan yang terikat kuat dan tersimpul erat di dalam hati tanpa ada rasa keraguan mengenainya (Mohd Fauzi bin Hamad, 2002). Rezeki setiap makhluk telah ditetapkan dan dibahagikan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Sesungguhnya seseorang yang bermati-matian untuk mengumpul dan menyimpan rezekinya, namun Allah SWT mengurniakan rezeki kepada orang lain. Dalam masa yang sama, seseorang yang tidak melakukan apa-apa yang menjadi punca turunnya rezeki, namun Allah SWT mengurniakan rezeki kepadanya tanpa dia perlu bersusah payah. Hal inilah yang dimaksudkan dengan beriman dengan qada' dan qadar Allah tentang rezeki. Jaminan rezeki ini merupakan rahmat dan kurniaan Allah SWT kepada makhluk ciptaanNya serta menjadi bukti kebaikanNya.

Jaminan rezeki yang dijanjikan Allah SWT kepada makhlukNya, bukan bermaksud Allah SWT memberikan rezeki tersebut tanpa usaha. Allah SWT menjamin rezeki setiap makhluk dengan diciptakan hukum sebab dan *musabab* bagi mengatur kehidupannya. Oleh itu, penting bagi seluruh manusia yang beriman dan bertakwa memahami maksud jaminan rezeki dari Allah SWT tanpa meninggalkan usaha untuk mencari dan mendapatkannya. Anjuran terhadap manusia untuk berusaha mencari rezeki dan kekayaan dalam hamparan bumi ini seperti mata air, tumbuhan dan kekayaan-kekayaan lainnya yang merupakan sebahagian dari rezeki Allah SWT. Dengan demikian maksud dari jaminan rezeki bukan bererti manusia hanya menunggu datangnya rezeki tersebut tetapi jaminan tersebut perlu disusuli dengan usaha dan bekerja.

Orang yang meyakini bahawa Allah menjamin rezeki semua makhluk merupakan ciri-ciri bagi orang yang bertakwa. Golongan muttaqin merupakan peringkat manusia yang mempunyai kedudukan paling tinggi di sisi Allah SWT. Ciri-ciri takwa yang dijelaskan oleh Imam Ibn Kathir (2013) ialah:

1. Takwa bersumber di hati manusia, untuk menghidup dan menyuburkan pohon taqwa haruslah dipelihara kesucian jiwa dan kemurnian hati nurani.
2. Takwa menjadi jaminan terwujudnya kebahagiaan dan keselamatan umat manusia baik secara peribadi mahupun masyarakat, akan dimudahkan segala urusan, serta terbukanya segala jalan keluar bagi kesulitan hidup.
3. Takwa harus direalisasikan dalam segala aspek kehidupan dan diterapkan dalam segala gerak-geri, baik dari sudut hati, fikiran mahupun pancaindera serta seluruh anggota badan.
4. Takwa adalah bekalan yang paling utama dan sempurna bagi ummat manusia disegala tempat dan suasana.
5. Takwa adalah sumber kemenangan dan penyelamat umat manusia, baik secara peribadi, masyarakat mahupun negara.

Sayyid Ahmad ibn Idris juga menjelaskan orang yang menumpukan sepenuhnya zahir dan batinnya dalam pencarian rezeki hakikatnya telah melakukan pendustaan terhadap Allah kerana meragui janji yang telah diberikan oleh Allah lantas hatinya akan menjadi gelap kesan dari kerisauan dan kebimbangannya terhadap rezeki. Imam al-Ghazali (2013) juga ada menjelaskan rezeki merupakan antara salah satu perkara yang menghalang seseorang dalam melakukan ibadah kepada Allah SWT kerana penumpuannya yang bersungguh dalam mengumpulkan harta sehingga mengabaikan ibadahnya.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan, rezeki menurut Sayyid Ahmad ibn Idris ialah sesuatu yang telah dijamin oleh Allah SWT pemilikannya. Allah membahagikan rezeki tersebut mengikut kemampuan seseorang. Sayyid Ahmad ibn Idris memberikan analogi yang mudah untuk difahami sekiranya rezeki itu diberikan secara keseluruhannya dari mula manusia itu dihidupkan sehingga akhir hayatnya, maka perkara ini pasti menyulitkannya kerana terpaksa mengangkat semua harta yang dimilikinya sekiranya berlakunya perpindahan dari negeri yang jauh. Maka Islam mengajar manusia bersikap tidak berlebih-lebih dalam mencari rezeki berbentuk harta kerana ia boleh membawa kepada sifat bakhil dan tamak. Sikap tamak akan membawa seseorang kepada kerosakan dan penganiayaan dan seterusnya membutuhkan hati manusia. Maka selaku hamba Allah yang beriman dan bertaqwa wajib menghadirkan sifat yakin dalam hati dengan janji Allah Taala yang menjamin rezeki semua makhluk di muka bumi ini (Ahmad bin Idris, 2018). Yakin adalah dengan peneguhan hati serta kepercayaan dan pegangan bahawa Allah yang bersifat ar-Razzaq yang akan memberikan rezeki kepada semua makhluk tanpa didahului dengan pergantungan kepada manusia.

5.2 Makhluk adalah perantaraan dalam mendapatkan rezeki.

Setelah memahami bahawa rezeki merupakan sesuatu yang telah dijamin oleh Allah kepada seluruh makhluk, maka batasan dalam perihal rezeki tidak meletakkan pergantungan kepada selain Allah SWT. Makhluk merupakan perantaraan dalam mendapatkan rezeki (Ahmad bin Idris, 2018). Dalam erti kata lain manusia adalah asbab atau punca datangnya rezeki. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah berdasarkan surah al-Nahl, ayat 53:

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْهَرُونَ

Maksudnya: Dan segala nikmat yang ada padamu (datangnya) dari Allah, kemudian apabila kamu ditimpa kesengsaraan, maka kepadaNya lah kamu meminta pertolongan.

Surah al-Nahl (16): 3

Allah SWT menjadikan manusia sebagai sebab datangnya rezeki dan Allah juga menciptakan musabab atau natijah berdasarkan firmanNya كن "Jadilah" dan bukan dari sebab yang lain. Sayyid Ahmad ibn Idris menjelaskan perihal orang yang berkeinginan kepada manusia yang menjadikan sesuatu dengan diibaratkan sebagai orang yang

bergantung harap kepada sebiji batu dari sudut manfaat dan mudharatnya yang hakikatnya tidak mampu untuk melakukan apa-apa.

Orang yang memandang sesuatu nikmat yang diperolehinya datang selain dari Allah SWT, maka sesungguhnya ia telah melakukan kekufuran kepada Allah SWT (Ahmad bin Idris, 2018). Sayyid Ahmad ibn Idris menjelaskan makna kuffur ialah orang yang menutup segala nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT kepadanya dan menzahirkan dirinya tidak mempunyai apa-apa nikmat. Orang yang kuffur nikmat akan sentiasa memandang harta kekayaan sebagai rezeki utamanya dan lupa akan nikmat lain yang diberikan Allah SWT kepadanya. Antara nikmat yang diberikan Allah SWT kepada kita ialah nikmat sihat, nikmat sempurna anggota badan, nikmat akal dan nikmat yang patut disyukuri adalah nikmat iman. Orang yang tidak mensyukuri nikmat Allah ini telah disifatkan Allah SWT:

إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُودٌ

Maksudnya: Sesungguhnya manusia sangat tidak bersyukur akan Tuhannya (dengan sentiasa mengira musibah-musibah yang melanda dirinya).

Surah Al-A'diyat (100):6

Berdasarkan ayat tersebut, Sayyid Ahmad ibn Idris menafsirkan orang yang tidak bersyukur sentiasa akan berkira-kira dengan musibah yang melanda dirinya dalam masa yang sama lupa segala nikmat yang diberikan Allah SWT kepadanya. Allah memberi musibah kepada seseorang kadangkala menjadi sebab kebahagiaannya di sisi Allah SWT.

Kesimpulannya batasan dalam perihal rezeki adalah dengan tidak bergantung harap kepada manusia yang menjadi perantaraan dalam mendapatkan rezeki. Semua yang diperolehinya samada baik atau buruk semuanya datang dari Allah SWT. Musibah yang menimpa dirinya perlu dilihat sebagai suatu kebaikan yang ingin diberikan Allah SWT kepadanya. Oleh itu hendaklah sentiasa bergantung harap hanya kepada Allah selaku Yang Maha Pemberi Rezeki.

5.3 Tawakal sebagai benteng dalam pencarian rezeki.

Setelah memahami bahawa batasan dalam memahami rezeki adalah dengan tidak menyandarkan sesuatu selain dari Allah SWT dan manusia hanyalah asbab untuk mendapatkan rezeki sahaja. Oleh itu benteng dalam pencarian rezeki adalah bertawakal kepada Allah SWT yang telah menjamin rezeki semua hambaNya (Sayyid Ahmad bin Idris, 2018). Tawakal berasal dari perkataan *tawakkala* yang bermaksud menyerahkan urusanya kepada orang lain sebagai wakil yang menyelesaikan segala urusan dan mencukupkan segala keperluan dirinya, serta tidak mencari perhatian kepada selainnya (Al-Ghazali, 2013). Tawakal dalam urusan rezeki ialah dengan sentiasa meyakini bahawa Allah SWT akan mencukupkan nafkah dan keperluan seharian semua makhluk berdasarkan fiman Allah SWT:

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

Maksudnya: Dan barangsiapa bertawakal kepada Allah, niscaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya.

Surah At-Talaq (65): 3

Sayyid Ahmad ibn Idris mengatakan bahawa rezeki merupakan salah satu perkara yang menghalang dari beribadah kepada Allah (Ahmad bin Idris, 2018). Ini kerana kesibukan dalam mencari rezeki dengan mengejar segala harta benda tersebut menjadikan seseorang itu alpa lalu mengiktiraf sesuatu selain dari Allah sebagai Tuhan yang memberikan rezeki. Rezeki dalam bentuk makanan hanyalah sesuatu yang dapat menghilangkan kelaparan, pakaian hanya berfungsi untuk menutup auratnya, kereta mewah yang dimiliki hanya berfungsi untuk menghilangkan kepenatan berjalan dan tempat tinggal yang besar hanya sekadar untuk melindunginya daripada panas dan sejuk. Oleh itu, segala material yang dimilikinya ini adalah khayalan yang menyeronokkan dan menenangkan hati secara sementara dan bukannya secara hakikatnya.

Musibah-musibah yang menimpa seorang hamba semasa pencarian rezeki bertujuan bagi menariknya kembali kepada Allah SWT dan menjadikannya tidak bergantung harap selain daripadaNya. Imam Sayyid Ahmad ibn Idris juga menjelaskan Allah SWT menguji hambaNya dengan pelbagai kebaikan untuk memastikan hambaNya benar-benar melihat kebaikan yang datang kepadanya adalah semata dari Allah SWT dan bukan selain dariNya.

Justeru itu, anjuran bertawakal adalah sebagai benteng atau kemuncak dalam persoalan rezeki. Orang yang bertawakal akan melakukan sesuatu perkara atas dasar kekuatan dan pandangan yang tajam iaitu *basirah* (mata hati) serta keyakinan yang sempurna pada janji Allah SWT.

6. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, konsep rezeki menurut Sayyid Ahmad ibn Idris ini tidak jauh berbeza dengan pandangan tokoh sufi yang lain. Hal ini kerana ahli tasawuf sentiasa memberi penekanan kepada aspek kerohanian tanpa meninggalkan aspek *jasadi* yang menjadi alat untuk melaksanakan syariat. Sayyid Ahmad ibn Idris telah menghubungkan elemen akidah sebagai keyakinan kepada janji Allah SWT yang akan menguruskan urusan rezeki. Elemen syariat dengan penganjuran bersungguh-sungguh dalam mencari asbab rezeki yang telah dijamin oleh Allah SWT selaku Pemberi Rezeki. Manusia juga merupakan sebab atau alat untuk mencapai rezeki yang telah disusun oleh Allah SWT. Inilah yang dikatakan batas dalam perihal rezeki dengan tidak beranggapan rezeki yang diperolehinya datang dari manusia bukan dari Allah SWT. Manakala aspek rohaninya ditekankan amalan bertawakal kepada Allah SWT sebagai benteng dalam perihal rezeki. Tawakal merupakan amalan hati yang meletakkan sepenuh pergantungan rezekinya kepada Allah SWT. Justeru itu, konsep rezeki menurut Imam Sayyid Ahmad ibn Idris ini sangat sesuai diamalkan oleh masyarakat dalam meneguhkan keimanan kepada Allah

SWT di samping sebagai kekuatan dalam menghadapi masalah psikologi seperti kebimbangan dalam rezeki.

Rujukan

- Al-Ghazali, Abdul Hamid. (2013). Minhajul Abidin. Terj: Abu Hamas As Sasaky. Penerbit: Khatulistiwa Press, Jakarta
- Al-Ja'fari, Soleh Muhammad. (1960). Muntaqan Nafis fi Manaqib Qutub Dairah al Taqdis Sayyidna wa Maulana Sayyid Ahmad ibn Idris. Jami' al Azhar al Syarif
- Ahmad ibn Idris. (t.th). Kimiya al Yaqin. Dar Jawami' al Kalam Syeikh Soleh al Ja'fari. Kaherah, Mesir
- Ahmad ibn Idris. (2018). Risalah Kimiya' al Yaqin fi Wuthuq al Muttaqin. Cetakan Sofa Production, Rembau
- Che Zarrina Sa'ari. (2000). Biografi Shaikh Ahmad b. Idris Dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian. Al-Afkar, Vol 1, hlm 33–54.
- Che Zarrina Sa'ari. (2008). Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian. Seminar Tarekat Kesufian
- Elsa Fatimah. (2022). Rezeki Perspektif Al-Quran (Studi Komparatif Antara Tafsir Al-Kasyaf dengan Tafsir Ibn Katsir). Al-Muhith: Jurnal Ilmu Al-Quran Dan Hadits, 1(2), 144–174.
- Faudzinaim Badaruddin, Zakaria Stapa, Abdull Rahman Mahmood, & Mohd Khairi Mahyuddin. (2021). Tarekat Ahmad B. Idris Al-Fasi dan Pengaruhnya di Malaysia. Akademika, 91(1), 119–127.
- HM Hasballah Thaib, & H. Zamakhsyari bin Hasballah Thaib. (2016). Sunnah Allah Dalam Menetapkan Rezeki Dalam Perspektif Al-Quran. Cetakan Pertama. Wal Ashri Publishing.
- Khairunnas Rajab & Wan Muhammad Fariq. (2014). Psikologi Qadak dan Qadar. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 13–26.
- Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2002). Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, Jilid 8(Oktober), 63–70.
- Mohd Fauzi bin Hamad. (2002). Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah : Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini. *Jurnal Usuluddin*, 3, 13–34.
- Muhammad Fuad bin Kamaluddin. (2019). Manaqib Syuyukh Tarekat Ahmadiyah Idrisiah. Cetakan Koperasi As Sofa, Rembau
- Muhammad Fuad bin Kamaluddin. (2022). Manaqib Qutb Dairah al Taqdis Sayyid Ahmad ibn Idris. Zawiyah Muhammadiyah, Rembau

- Muhammad Zidni Ilman. (2019). Ayat Tentang Rezeki Dalam Perspektif Ruh Al-Ma'ani. *Jurnal Madani: Ilmu Pengetahuan, Teknologi Dan Humairo*, 2(1), 187–200.
- Mus'ab Al Khair Al Idrisi, (2023). *Min 'Alam al Sufiyyah: al Sayyid Ahmad ibn Idris*. Terj: Muhammad Fuad bin Kamaludin. Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris
- Nazneen Ismail, & Mohd Noorikhwan Sarbini. (2015). Peranan Uzlah dalam Merawat Penyakit Rohani Muslim. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 2(1), 30–43
- Nina Rahmi. (2018). Korelasi Rezeki Dengan Usaha Dalam Perspektif Al-Quran. In *Fakulti Ushuluddin dan Filsafat. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam Aceh*.
- Nur Zainatul Nadra Zainol. (2019). Model Tahaqquh Dalam Tazkiyah Al-Nafs Oleh Said Hawwa Bagi Merawat Jiwa Muslim. *Perada*, 2(2), 115–126.
- Nurul Fajriani, S. & I. B. (2019). Konsep Rezeki Menurut al- Sa'di. *Prosiding Al Hidayah Ilmu Al-Quran Dan Tafsir*, 1(1), 1–15.
- Pasmadi, A. K. (2015). Konsep Rezeki Dalam Al-Quran. *Jurnal Didaktika Islamika*, 6, 132–146.
- Rahman, S.M.H. S. Abdul, & Sa'ari, C. Z. (2008). Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Usuluddin*, 27, 1–23.
- Rahman, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul. (2006). Permasalahan Sekitar Qada' Dan Qadar. *Afkar*, 7, 63–92.
- Rex S. O'Fahey and Ali Salih Karar. (1987). The Enigmatic Imam : The Influence of Ahmad Ibn Idris. *International Journal of Middle East Studies, Cambridge University Press*, 19(2), 205–219.
- Sabiq, M., Jayadi, A., & Nawawi, I. (2019). Materialisme Sebagai Penghambat Pembangunan Kesejahteraan Sosial. *Jurnal Dinamika Ekonomi Pembangunan*, 2(1), 167–171.
- Safiah Abd Razak, Che Zarrina Saari, S. M. H. S. A. R. (2021). Muraqabah dan Mahabbah Menurut Al-Sarraj: Satu Analisis Menurut Perspektif Pembangunan Rohani Insan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 1–15.
- Salleh, N. M., Tamuri, A. H., & Amat, S. (2014). *Sumbangan* Penghayatan Akidah Terhadap Ketenangan Hati Remaja. *Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial*, Bil. 1(Jil. 1), 110–120.
- Yono, Indriya Rusman, & Hielda Noviyanty. (2020). Psikoterapi Spiritual Dan Pendidikan Islam Dalam Mengatasi Dan Menghadapi Gangguan Anxiety Disorder Di Saat Dan Pasca Covid 19. *SALAM: Jurnal Sosial Dan Budaya Syar-I*, 7(8), 649–658.